

Bantuan Kerosakan Motosikal di Tepi Jalan

Selaku pemegang Polisi Motosikal Komprehensif dan/atau Motosikal Plus Komprehensif ("Polisi") dengan Allianz General Insurance (Malaysia) Berhad ("Kami"), Kami juga menawarkan perkhidmatan tambahan yang disenaraikan di bawah kepada anda:




- (i) Bantuan menunda kerosakan 24-jam sehingga 50km (pergi balik) secara percuma
- (ii) Penghantaran Petrol
- (iii) Bantuan tayar pancit
- (iv) "Jumpstart" dan Penghantaran Bateri

Had Wilayah: Di Malaysia sahaja

Nota Penting dan pengecualian:

1. Perkhidmatan bantuan tepi jalan yang dinyatakan di atas terhadap kepada tiga (3) panggilan perkhidmatan untuk tempoh insurans Polisi anda.
2. Perkhidmatan ini hanya boleh digunakan untuk motosikal dengan kapasiti kubik 250cc dan ke bawah.
3. Sekiranya perkhidmatan menunda kerosakan melebihi 50km, anda bertanggungjawab untuk membayar kos tambahan yang dikira pada kadar RM1.30 untuk setiap tambahan KM. Kadar ini boleh berubah mengikut harga pasaran tertakluk pada budi bicara Kami.
4. Caj tol tidak termasuk dalam perkhidmatan tunda.
5. Anda/Pemandu Yang Dibenarkan hendaklah bertanggungjawab untuk menanggung kos berikut:
 - (a) apa-apa kos alat ganti yang diperlukan semasa pembaikan tepi jalan kecil;
 - (b) kos petrol yang dihantar kepada anda di bawah perkhidmatan penghantaran petrol; dan
 - (c) kos pembaikan (termasuk kos alat ganti atau penggantian) yang dilakukan di bengkel atau pusat servis.
6. Kami atau penyedia perkhidmatan Kami tidak akan memberikan servis bantuan menunda tepi jalan dalam keadaan yang berikut:
 - (a) Sekiranya perkhidmatan tidak diatur atau tidak dipersetujui secara langsung oleh Kami atau penyedia perkhidmatan Kami;
 - (b) Sekiranya motosikal Anda sedang atau telah dimodifikasi untuk penyertaan dalam perhimpunan atau perlumbaan atau diubahsuai bertentangan dengan peraturan kerajaan;
 - (c) Sekiranya perkhidmatan diberikan di luar had wilayah yang ditetapkan;
 - (d) Sekiranya Anda/Penunggang Yang Dibenarkan dan/atau Pembonceng motosikal Anda gagal mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya terhadap atau mengikut amaran mengenai sebarang mogok, rusuhan atau kekacauan yang disebarkan melalui media massa;
 - (e) Semasa Anda/Penunggang Yang Dibenarkan dan/atau Pembonceng motosikal Anda cuba atau melakukan tindakan yang menyalahi undang-undang atau motosikal anda digunakan untuk tujuan yang menyalahi undang-undang atau untuk tujuan yang tidak sah;
 - (f) Sekiranya tiada bahagian mekanikal dalam motosikal Anda, misalnya, jika tidak ada enjin atau transmisi;
 - (g) Sekiranya motosikal Anda ditunda untuk tujuan pembuangannya;
 - (h) Sekiranya motosikal Anda ditunda untuk tujuan memindahkahkan motosikal Anda dari satu bengkel ke satu bengkel yang lain;
 - (i) Sekiranya tiada cukai kenderaan yang sah yang dipamerkan pada motosikal Anda;
 - (j) Sekiranya perkhidmatan menunda adalah untuk motosikal Anda yang telah dicuri tetapi kemudiannya ditemui atau dijumpa setelah ditinggalkan, atau di mana perkhidmatan menunda adalah disebabkan berlakunya vandalisma pada motosikal Anda;
 - (k) Sekiranya motosikal anda telah dibuka sebahagiannya atau sepenuhnya di bengkel;
 - (l) Menunda motosikal Anda dimana berat motosikal Anda melebihi berat kapasiti yang ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam spesifikasi pengeluaran motosikal Anda;
 - (m) Menunda motosikal Anda dimana nombor pendaftaran tidak sama dengan nombor yang didaftarkan dengan Kami atau penyedia perkhidmatan Kami;
 - (n) Sekiranya motosikal Anda mengalami kerosakan mekanikal dan tidak boleh bergerak di permukaan jalan yang tidak berturap atau di jalan yang tidak diwartakan dalam sistem jalan raya Malaysia; dan
 - (o) Sekiranya motosikal Anda memerlukan penggunaan peralatan khas semasa pengambilan.

Pusat Khidmat Pelanggan Allianz

Allianz Arena, Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.
Pusat Hubungan Allianz: 1 300 22 5542 E-mel: customer.service@allianz.com.my   AllianzMalaysia  allianz.com.my